

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Setelah kewafatan Nabi s.a.w, syariat dan perundangan hukum Islam menjadi lengkap dan sempurna. Namun hukum Syariat Islam tidak terhenti begitu sahaja, sebaliknya hukum dan perundangan Syariat Islam perlu diperkembangkan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Ini kerana syariat dan perundangan hukum Islam merupakan keterangan yang mesti diaplikasikan mengikut objektifnya yang betul. Kerana itu, para *salaf al-ṣāliḥ* dari kalangan sahabat, *tābi'īn* dan *tābi' tābi'īn* berusaha menerangkan setiap hukum syariat daripada nas-nas syarak dengan berijtihad. Setiap ijtihad mereka hanya bermotifkan untuk mencari kebenaran pada hukum syariat<sup>1</sup>.

Untuk mencapai kebenaran, ijtihad itu mestilah berpandukan kepada metode dan prinsip yang jelas. Selain kematangan berfikir, hasil pengalaman, penemuan ilmu baru dan perbezaan sosio budaya masyarakat juga amat penting bagi seseorang mujtahid yang hendak berijtihad<sup>2</sup>. Ini kerana hukum syarak itu akan berbeza mengikut kehendak dan keperluan sesuatu tempat dan zaman. Hal seperti ini berlaku apabila wujudnya perbezaan pendapat Imām al-Shāfi'ī ketika di Iraq dan di Mesir.

Dalam berijtihad, Imām al-Shāfi'ī adalah seorang yang amat tegas dengan prinsipnya. Kerana itu beliau telah menetapkan metode hukum yang tersendiri dalam kitab *al-Risālah*. Oleh itu, perubahan pendapat beliau dari *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd* ini

---

<sup>1</sup> Mahmood Zuhdi (2004), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, C-6, Kuala Lumpur, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h 141.

<sup>2</sup> Mas'ūdī, Mohd Radīd al-(1996), *Al-Mu'tamad Min Qawl Al-Shāfi'ī 'Ala Al-Jadīd*, C-1, Riyāḍ, Dār 'Alam Kutub, h 89.

telah mendorong penulis untuk mengkaji metode hukum yang telah diguna pakai oleh beliau dalam kedua-dua pendapatnya. Kerana berkemungkinan penggunaan metode pada kedua-dua pendapat itu berbeza, atau sebaliknya pendekatannya sahaja yang berbeza. Maka kerana itu penulis memilih tajuk “**Metodologi Imām Al-Shāfi’ī Dalam Qawl Qadīm Dan Qawl Jadīd**” sebagai tajuk kajian.

## **1.2 Masalah Kajian**

Dalam kajian ini, penulis mendapati beberapa permasalahan yang perlu dirungkaikan dan diselesaikan. Antara permasalahan tersebut adalah :

1. Perubahan pendapat Imām al-Shāfi’ī dari *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd* adalah dari sudut *furū’*nya, yakni fatwanya. Maka di sini penulis ingin mengetahui perubahan dari sudut *uṣūl*nya, yakni metodologinya.
2. Perbezaan geografi tempat dan sosio budaya masyarakat di Mesir dan di Iraq mungkin menjadi penyebab Imām al-Shāfi’ī mengubah pendapat lamanya. Maka penulis ingin menilai sejauhmana pertimbangan Imām al-Shāfi’ī terhadap faktor ini ketika berijtihad.

Oleh itu, permasalahan kajian ini hanya tertumpu pada metodologi hukum dan pendekatan Imām al-Shāfi’ī ketika berijtihad.

### 1.3 Objektif Kajian

Diantara objektif yang hendak dicapai oleh penulis daripada kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti adakah terdapat penambahan pada metode hukum yang diguna pakai Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl jadīdnya*.
2. Mengenal pasti pendekatan ijtihad Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl jadīd* dan *qawl qadīmnya*.
3. Menilai pertimbangan Imām al-Shāfi‘ī terhadap nilai semasa dan budaya masyarakat setempat dalam hasil ijtihadnya.
4. Menilai sejauhmana Imām al-Shāfi‘ī konsisten dengan prinsip yang telah ditegaskan oleh beliau dalam metodenya.

### 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilihat mempunyai kepentingan kepada pihak tertentu yang mendorong penulisannya. Menurut pengkaji, dapatan kajian ini perlu dititik beratkan khususnya kepada penuntut-penuntut ilmu agama. Hal ini memandangkan mereka merupakan bakal ulamak yang sering menjadi tempat rujukan masyarakat berkenaan isu-isu agama yang bersifat semasa.

Kepentingan mengenali serta menguasai kemahiran mengaplikasi metodologi hukum dan sumber-sumber dalilnya, dapat memastikan ijtihad mereka betul dan menepati

disiplin ilmu syariat. Belajar memahami pendekatan metode hukum melalui kajian ini dapat memberikan manfaat seperti berikut :

- 1) Melahirkan para ilmuwan yang berfikiran kritis dan terbuka.
- 2) Setiap ijtiḥad diputuskan mengikut kedudukan autoriti dalil-dalil syarak yang betul.
- 3) Mengetahui keutamaan berhujah dengan dalil yang kuat dan sahih berbanding yang lemah.
- 4) Menjana minda dengan membuka ruang untuk berijtiḥad, dan mengetahui kepentingan berijtiḥad daripada bertaklid buta.
- 5) Melahirkan ummat yang mengetahui hukum berdasarkan dalilnya, dan bukan sekadar mengutip dan bertaklid buta semata-mata.

### **1.5 Hipotesis Kajian**

Melalui hipotesis yang telah dijalankan, kajian mendapati Imām al-Shāfi‘ī telah mengambil kira beberapa metode hukum baru dalam *qawl jadīd*. Namun begitu, hal ini tidak menafikan bahawa Imām al-Shāfi‘ī tidak berpegang dengan metode hukumnya yang asal seperti yang terdapat dalam *qawl qadīm*. Hal ini memandangkan Imām al-Shāfi‘ī hanya mengguna pakai sumber-sumber hukum baru dalam kajian metode terbarunya sebagai sumber hukum tambahan atau sekunder ketika berijtiḥad. Maka hal ini sama sekali tidak bercanggah dengan prinsip Imām al-Shāfi‘ī yang telah menetapkan dalil Al-Quran, Al-Sunnah, Al-Ijmā‘ dan Al-Qiyās sebagai sumber hukum dasar yang utama dalam metode hukumnya. Justeru hasil hipotesis

menunjukkan Imām al-Shāfi‘ī tidak mengubah prinsipnya dalam metodologi hukum secara menyeluruh, samada dalam *qawl qadīm* mahupun *qawl jadīd*. Sebaliknya berlaku penambah baikan metode hukum dari segi sumber dalil yang boleh dijadikan hujah tambahan ketika berijtihad. Antara penambah baikan pada metode hukum barunya yang menjadikan kedua *qawl*nya itu mempunyai metode hukum yang tersendiri adalah:

1. Memperluaskan maksud dan kaedah penggunaan Al-Qiyās, bagi merangkumkan maknanya yang terkandung di dalam sumber-sumber hukum yang lain seperti *Maṣāliḥ Mursalāh*, *Istiṣḥāb*, *Sadd al-Dharāi‘* dan lain-lain dalam *qawl jadīd*.
2. Melengkapkan metode *qawl jadīd* dari sudut pengambilan sumber-sumber hukum baru bagi menguatkan sumber-sumber hukum dasar yang asal dalam *qawl qadīm*.

### **1.6 Kerangka Teori :**

Secara umumnya, teori kajian yang telah digunakan dalam penulisan ini adalah berkenaan metodologi dan pendekatan hukum Imām al-Shāfi‘ī. Yang dimaksudkan dengan metodologi Imām al-Shāfi‘ī ini adalah *uṣūl al-fiqh*nya. Maka kajian ini menekankan soal metode Imām al-Shāfi‘ī dari sudut keutamaan pengambilan sumber hukum, pendekatan yang diambil ketika menilai sesuatu nas syarak, dan prinsipnya terhadap metodenya.

Teori kajian ini akan memperlihatkan percambahan pendapat Imām al-Shāfi‘ī yang berlaku disebabkan pengambilan metode hukum yang berbeza. Setiap metode yang

diambil ke atas nas-nas syarak itu bukan sahaja dinilai pada maksud hukum yang hendak disampaikan (*madlūl al-naṣ*), bahkan mengambil kira keperluan semasa sesuatu tempat juga. Maka tidak mustahil perubahan pendapat itu berpunca dari wujudnya metode hukum baru dari Imām al-Shāfi‘ī, selain dari hasil perkiraan kepentingan hidup setempat. Hal ini berlaku kerana keperluan masyarakat sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Ia menjadi semakin kompleks dan perlu diselesaikan dengan segera oleh setiap mujtahid.

Untuk menangani sesuatu masalah yang berbeza coraknya, seseorang mujtahid itu perlu menggunakan metode hukum yang berbeza. Iaitu dengan menggunakan metode dan sumber hukum yang sesuai untuk menangani masalah tersebut. Oleh sebab itulah Imām al-Shāfi‘ī menarik kembali pendapat lamanya yang dianggap tidak relevan untuk diamalkan mengikut realiti kehidupan masyarakat di Mesir.

Dengan itu, tidak hairanlah sekiranya terdapat pelbagai pendapat dari seorang mujtahid, atau berlaku perbezaan pendapat dengan anak muridnya, disebabkan penggunaan metode hukum yang berlainan mengikut kesesuaian peredaran zaman masing-masing. Berkemungkinan juga kerana mereka menjumpai nas syarak yang lebih sahih dan kuat pada zaman mereka. Bahkan perbezaan pendapat juga boleh berlaku disebabkan pendekatan hukum yang berbeza walaupun menggunakan metode yang sama<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf al-(1997), *Shari‘ah Al-Islām Ṣāliḥah li Taṭbīq fī Kulli al-Zamān wa al-Makān*, Kaheerah, Maktabah Wahbah, h 99-102.

Maka menjadi satu kelaziman setiap para mujtahid supaya melakukan ijtihad secara berterusan dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan tempat. Wujudnya pelbagai pendapat dari seorang mujtahid itu tidak merendahkan ilmu dan kredibilitinya. Sebaliknya menampakkan keluasan pengalaman dan pengetahuan mujtahid tersebut, disamping kejujuran dan keikhlasannya dalam menyatakan hukum syarak.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Dalam menyempurnakan hasil penulisan ini, penulis telah menggunakan beberapa metode tertentu bagi kajian ini. Antaranya adalah :

1. Metode Pengumpulan Data
2. Metode Analisa Data

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Apa yang dimaksudkan dengan metode ini adalah, usaha yang diperlukan oleh penulis bagi mengumpul maklumat-maklumat kajian, dan data-data yang berkaitan bagi tujuan penyusunan maklumat kajian, yang kemudiannya akan dianalisa mengikut kaedah tertentu.

Bagi mendapatkan keseluruhan maklumat-maklumat dan fakta-fakta berkenaan kajian, penulis menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) secara

sepenuhnya. Oleh itu penulis merujuk beberapa bahan rujukan tertentu bagi mengumpul segala maklumat dan data kajian yang dikehendaki untuk tujuan penyelidikan. Untuk melengkapkan kajian perpustakaan ini, penulis ada menggunakan beberapa metode yang diperlukan :

#### **1.7.1.1 Metode Dokumentasi**

Metode dokumentasi ini bermaksud, penulis melakukan penelitian ke atas segala dokumen-dokumen dapatan kajian yang telah dikumpulkan dari sumber-sumbernya. Di antara dokumen-dokumen yang telah dikutip dan dihimpunkan dalam penulisan ini seperti masalah hukum fiqh, dalil-dalil hukum, kaedah-kaedah hukum yang diguna pakai, dan pendapat-pendapat berkenaan dengannya.

Secara umumnya antara sumber-sumber bacaan penulis bagi mengutip maklumat dan melakukan penyelidikan ke atasnya adalah :

1. Al-Quran Al-Karim dan terjemahannya.
2. Kitab-kitab *Matn al-Ḥadīth* dan syarahnya.
3. Kitab-kitab Fiqh *madhhab al-Shāfi'ī*, kitab *Uṣūl al-Fiqh*, dan *Qawā'īd al-Fiqh*.
4. Kitab-kitab Sejarah (*al-Tārīkh*).
5. Kertas-kertas kerja seminar berhubung tajuk kajian.
6. Kamus dan *Mu'jam al-'Arabiyyah* untuk merujuk makna bagi istilah-istilah tertentu.

Manakala tempat-tempat yang membantu penulis bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan kajian adalah :

1. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Utama, Universiti Islam Antarabangsa, Gombak, Selangor.
3. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. Bahan-bahan rujukan kepunyaan penulis sendiri.

Dalam bab empat disertasi ini, penulis memilih beberapa permasalahan fiqh dari dua perbezaan pendapat Imām al-Shāfi‘ī dengan secara rambang. Ini kerana penulis hanya menumpukan pada masalah-masalah yang dianggap dapat membantu untuk mencapai hipotesis dan objektif kajian.

#### **1.7.1.2 Metode Historis**

Metode historis ini bermaksud penulis berusaha mendapatkan fakta-fakta sejarah yang betul dan *rājiḥ* mengenai kejadian dan peristiwa sejarah berkaitan kajian. Keperluan metode historis ini adalah untuk melakukan penyelidikan dari sudut pandangan sejarah ke atas kebenaran fakta-fakta sejarah agar sandarannya benar dan betul. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan ke atas data-data sejarah berkenaan riwayat hidup, latar belakang pendidikan, dan salasilah keturunan Imām al-Shāfi‘ī sahaja.

## 1.7.2 Metode Analisa Data

Kesemua hasil maklumat dan data yang telah dikumpulkan untuk tujuan penyelidikan itu akan dianalisa mengikut metode-metode berikut :

### 1.7.2.1 Metode Induktif

Metode analisa ini akan digunakan oleh penulis bagi menganalisa data-data tertentu mengikut pola berfikir secara menggunakan dalil-dalil atau fakta-fakta yang bersifat khusus bagi mencapai satu keputusan yang bersifat umum.

Contohnya penulis akan menganalisa dalil-dalil hukum yang telah diguna pakai oleh Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl jadīd* bagi mengetahui pendekatan dan metode hukum baru yang diterima pakai dalam *madhhab* barunya. Kaedah induktif ini banyak digunakan oleh penulis pada bab empat desertasi ini.

### 1.7.2.2 Metode Deduktif

Metode analisa ini pula digunakan oleh penulis bagi menganalisa data-data terkumpul mengikut pola berfikir secara berpegang kepada dalil yang bersifat umum kerana ia diperkuatkan dengan hujah-hujah yang bersifat khusus.

Penggunaan metode ini banyak digunakan oleh penulis ketika membincangkan mengenai prinsip Imām al-Shāfi‘ī terhadap *uṣūl*nya. Contoh antara prinsip Imām al-Shāfi‘ī dalam *uṣūl*nya adalah berpegang kepada *ẓāhir al-naṣ*. Maka penulis membawa

datang dalil-dalil khusus yang menunjukkan Imām al-Shāfi‘ī berpegang kepada prinsip *zāhir al-naṣ* dalam *qawl jadīd*nya sepertimana dalam *qawl qadīm*nya.

### 1.7.2.3 Metode Komparatif

Metode analisa ini juga digunakan oleh penulis sebagai satu cara menganalisis data dengan melakukan perbandingan di antara data-data terkumpul bagi menghasilkan satu kesimpulan yang jelas terhadap masalah tersebut.

Contoh penulis melakukan perbandingan di antara hujah-hujah yang telah digunakan oleh Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* bagi mengenal pasti perbezaan metode dan pendekatan pada kedua pendapat itu. Kemudian penulis membuat kesimpulan samada berlaku perbezaan metode dan pendekatan hukum pada *qawl jadīd* al-Shāfi‘ī atau pun tidak. Dengan itu, kaedah komparatif ini banyak digunakan pada bab empat desertasi ini.

## 1.8 Ulasan Kajian Lepas

Terdapat pelbagai hasil karya atau penulisan terdahulu yang membahaskan tentang kredibiliti Imām al-Shāfi‘ī dari segenap aspek. Namun kajian terhadap Imām al-Shāfi‘ī lebih banyak dibincangkan pada *madhhab* fiqhnya. Antara aspek yang mendapat perhatian pengkaji-pengkaji terdahulu dan sekarang adalah mengenai perbezaan pendapat beliau dalam *qawl qadīm* dan *jadīd*. Maka di sini penulis menyatakan beberapa kajian lepas yang pernah dilakukan, antaranya :

Kitab “*Al-Mu’tamad min Qadīm Qawl Al-Shāfi’ī ‘Alā al-Jadīd*” karangan Muhammad Radīd al-Mas’ūdī<sup>4</sup>. Pada awal bab, beliau menceritakan secara ringkas tentang latar belakang hidup, sejarah pendidikan dan keturunan Imām al-Shāfi’ī. Kemudian, melanjutkan perbincangan mengenai beberapa ciri-ciri *fiqh* Imām al-Shāfi’ī di Mekah, Iraq dan Mesir. Seterusnya kajian membincangkan tentang makna *qawl qadīm* dan *jadīd*, diikuti dengan faktor-faktor perubahan pendapat tersebut. Penulis turut menjelaskan istilah-istilah tertentu yang diguna pakai dalam *madhhab*. Selain beberapa perbincangan fuqahā’ al-Shāfi’ī mengenai ulasan mereka terhadap pendapat imam mereka, untuk diambil kira sebagai pendapat Imām al-Shāfi’ī atau *madhhab*. Bagaimanapun, penulisan ini hanya membentangkan beberapa masalah *qawl qadīm* yang dianggap *rājih* ke atas *qawl jadīd* mengikut pandangan *aṣḥāb* al-Shāfi’ī berserta alasan-alasannya. Justeru, penulisan ini tidak menyentuh atau membahaskan sama sekali mengenai metodologi hukum Imām al-Shāfi’ī. Sebaliknya dapatan kajian ini lebih kepada perbincangan pendapat ulamak *madhhab* mengenai *qawl* Imām al-Shāfi’ī sahaja.

Kajian berjudul “*Pandangan Imām Al-Shāfi’ī dalam Qawl Qadīm dan Qawl Jadīd : Satu Analisis*” karangan Sihabuddin Muhaemin<sup>5</sup>. Kajian desertasi ini menerangkan tentang sejarah hidup, latar belakang pendidikan Imām al-Shāfi’ī secara berperingkat, disusuli dengan beberapa hasil karyanya. Selain itu, turut disertakan satu lakaran ringkas tentang salasilah keturunan Imām al-Shāfi’ī. Kajian turut membicarakan

---

<sup>4</sup>Lihat Mas’ūdī, Mohd Radīd al-(1996), *Al-Mu’tamad Min Qadīm Qawl Al-Shāfi’ī ‘Alā Al-Jadīd*, Cet 1, Riyād, Dār ‘Alam al-Kutub.

<sup>5</sup>Lihat Sihabuddin Muhaemin(2005), *Pandangan Al-Shāfi’ī dalam Qawl Qadīm & Qawl Jadīd* : satu analisis, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

mengenai *uṣūl al-fiqh* dan *fiqh* Imām al-Shāfi‘ī. Iaitu mengenai sumber-sumber hukum Imām al-Shāfi‘ī serta perkembangan *fiqh* al-Shāfi‘ī mengikut period-period tertentu. Turut dijelaskan definisi *qawl qadīm* dan *jadīd* dan faktor-faktor kepada perubahan pendapat tersebut. Di akhir kajian, penulis telah mengemukakan 14 permasalahan *qawl qadīm* dan *jadīd* yang semuanya dibahas dan dianalisa. Dalam analisisnya, penulis tidak menyentuh aspek penggunaan metode hukum al-Shāfi‘ī dan prinsipnya secara serius. Sebaliknya lebih kepada penghujahan al-Shāfi‘ī dengan dalil-dalil syarak secara umum tanpa dikaitkan dengan metode-metode hukum tertentu.

Penulis juga ada mengemukakan beberapa pendekatan al-Shāfi‘ī. Tetapi ke semuanya tidak merujuk kepada metode hukum al-Shāfi‘ī secara khusus. Contohnya, Imām al-Shāfi‘ī lebih banyak menggunakan pendekatan *al-ra’y* dalam *qawl jadīd* berbanding *qawl qadīm*. Disamping penemuan dalil yang lebih sahih berbanding dalil *qawl qadīm*.

Kajian berjudul “*Al-Imām Al-Shāfi‘ī fī Madhhabāyih Al-Qadīm wa Al-Jadīd*” karangan Nahrāwī ‘Abd al-Salām<sup>6</sup>. Pada awal kajian ini menceritakan secara terperinci mengenai riwayat hidup Imām al-Shāfi‘ī, nasab keturunannya, dan susur galur pengembaraannya dalam pendidikan. Kajian turut menyebut keadaan pengaruh politik dan pemikiran yang berlaku di zaman Imām al-Shāfi‘ī meliputi aspek pendidikan,

---

<sup>6</sup> Lihat Ahmad Nahrāwī (1988), *Imām Al-Shāfi‘ī fī Madhhabāyih Al-Qadīm Wa Al-Jadīd*, Cet 1, Kaherah, Dār al- Kutub.

politik, ekonomi dan sosial. Penulis juga menerangkan metode Imām al-Shāfi‘ī berkenaan kedudukan sumber-sumber hukum syarak untuk dijadikan hujah dalam proses *istinbāt* hukum. Turut dinyatakan kaedah pemakaian sumber-sumber hukum tadi mengikut perspektif metode hukum Imām al-Shāfi‘ī. Selanjutnya, penulis membahaskan 14 permasalahan *qawl qadīm* dan *jadīd* berdasarkan hujah dan dalil. Hasil analisa penulis dari ke semua masalah itu menunjukkan perubahan pendapat Imām al-Shāfi‘ī kepada *qawl jadīd* adalah ke arah sesuatu yang lebih baik dan terbaik. Maksudnya *qawl jadīd* adalah pendapat terbaik Imām al-Shāfi‘ī. Namun, penulis tidak membahas dan menganalisa dari sudut metode hukum Imām al-Shāfi‘ī melalui hujah dan dalil *qawl qadīm* dan *jadīd*. Walaupun penulis ada menyentuh mengenai metode hukum yang diterima pakai Imām al-Shāfi‘ī dalam sesetengah kes *qawl jadīd*. Namun tiada penekanan terhadap penggunaan metode hukum secara mendalam dan menyeluruh. Kajian juga tidak menekankan soal prinsip al-Shāfi‘ī dalam metode hukumnya. Penulis juga tidak menganalisa secara komparatif di antara kedua *qawl* al-Shāfi‘ī dari sudut metode hukum. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini banyak membantu serta membuka jalan untuk memahami pendekatan hukum yang diguna pakai al-Shāfi‘ī dalam kajian ini. Sekaligus memudahkan bagi mengaitkan perbezaan metode hukum al-Shāfi‘ī dalam kedua *qawlnya*.

Kajian bertajuk “*Faktor-faktor Perubahan Qawl Qadīm kepada Qawl Jadīd Imām Al-Shāfi‘ī : Hubungannya dengan Fiqh Kontemporari*” tulisan Siti Khurshiah Mohd Mansor<sup>7</sup>. Selain membincangkan sejarah hidup dan latar belakang pendidikan Imām al-Shāfi‘ī. Kajian juga menjelaskan tentang konsep dan asas-asas yang diperlukan dalam *fiqh* kontemporari. Namun kajian ini banyak membahaskan masalah *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan pendapat Imām al-Shāfi‘ī sahaja. Antara faktor yang dinyatakan adalah perbezaan budaya hidup, adat resam, dan penilaian semula ke atas nas-nas syarak. Justeru, kajian ini tidak menyentuh dan mengkaji secara khusus aspek metode hukum melalui hujah-hujah al-Shāfi‘ī. Sebaliknya penekanan kajian lebih banyak diberikan pada faktor-faktornya sahaja. Sebagai contoh, *qawl jadīd* al-Shāfi‘ī banyak mentafsirkan maksud kalimah sesuatu nas syarak mengikut persekitaran ‘*urf*. Walaupun kajian ini secara tidak langsung ada menyentuh metode Imām al-Shāfi‘ī dan pendekatannya, namun skopnya tertumpu pada aspek ‘*urf* sahaja. Kajian ini juga lebih fokus pada faktor-faktor perubahan bagi mengaitkannya dengan keperluan *fiqh* kontemporari. Maka kajian ini dilihat tidak melakukan penyelidikan pada aspek metodologi Imām al-Shāfi‘ī secara khusus dan menyeluruh.

Artikel yang bertajuk “*Pemikiran Imām al-Shāfi‘ī mengenai Sādd Al-Dharāi’ sebagai sumber hukum*” oleh Wan Zulkifli Wan Hassan, Luqman Hj Abdullah dan Saadan Man<sup>8</sup>. Kajian ini membahaskan mengenai penemuan metode *sādd al-dharāi’* dalam

---

<sup>7</sup>Lihat Siti Khurshiah Mohd Mansor (2006), “*Faktor-faktor Perubahan Qawl Qadīm kepada Qawl Jadīd Imām Al-Shāfi‘ī : Hubungannya dengan Fiqh Kontemporari*”, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

<sup>8</sup>Lihat Wan Zulkifli Wan Hassan, Luqman Hj Abdullah dan Saadan Man (2004), “*Pemikiran Imām Al-Shāfi‘ī mengenai Sādd Al-Dharāi’*

ijtihad Imām al-Shāfi‘ī, dan sejauhmana pengambilan beliau menjadikan metode ini sebagai sumber hukum. Pendahuluan kajian ini menceritakan mengenai ketokohan Imām al-Shāfi‘ī dalam membentuk metodologi hukum selain penerangan ringkas mengenai perbezaan pendapat ulamak dalam menerima pakai metode *sādd al-dharāi’* sebagai sumber hukum. Kajian turut mengemukakan perbezaan pendapat dikalangan ulamak *Shāfi‘iyyah* mengenai penerimaan Imām al-Shāfi‘ī terhadap metode *sādd al-dharāi’*. Kajian ini juga lebih cenderung menunjukkan Imām al-Shāfi‘ī menerima pakai metode *sādd al-dharāi’* dalam beberapa masalah. Walaupun kajian membahas dan menyentuh berkenaan metodologi hukum Imām al-Shāfi‘ī, namun skop kajian ini hanya terbatas dari sudut penerimaan metode *sādd al-dharāi’* sahaja. Manakala kajian yang hendak dijalankan oleh penulis merangkumi kesemua metodologi dan sumber-sumber hukum yang diterima pakai Imām al-Shāfi‘ī dalam ijtihadnya. Maka kajian ini tidak membincangkan aspek metodologi hukum Imām al-Shāfi‘ī secara menyeluruh seperti yang ingin dilakukan dalam kajian ini.

Artikel bertajuk “*Faktor perubahan pendapat Imām al-Shāfi‘i dari qawl qadīm kepada qawl jadīd*” oleh Abdul Karim Ali, Siti Kursiah Mansor, Sihabuddin Muhaemin dan Wan Zulkifli Wan Hassan<sup>9</sup>. Dapatan kajian ini membincangkan mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada perubahan pendapat Imām al-Shāfi‘ī dari *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd*.

---

*sebagai sumber hukum*” dlm Jurnal Syariah, No. 2, h 78.

<sup>9</sup>Lihat Abdul Karim Ali, Siti Kursiah Mansor, Sihabuddin Muhaemin dan Wan Zulkifli Wan Hassan(2007), *Faktor perubahan pendapat Imām al-Shāfi‘i dari qawl qadīm kepada qawl jadīd*, dlm Jurnal Fiqh, No. 4, h 156.

Pada awalnya kajian menyentuh mengenai latar belakang hidup dan pendidikan Imām al-Shāfi‘ī. Seterusnya mengenai definisi *qawl qadīm* dan *jadīd* serta penentuan pendapat Imām al-Shāfi‘ī antara *qawl qadīm* dan *jadīd* dari sudut *nasakh*. Selain itu, kajian ini lebih banyak cenderung mengkaji faktor-faktor perubahan *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd* sahaja. Justeru, kajian ini tidak memberi penekanan khusus mengenai metodologi hukum Imām al-Shāfi‘ī, walaupun ada menyentuh mengenai metode Imām al-Shāfi‘ī ketika membahaskan faktor-faktor perubahan kedua *qawlnya* itu. Sebagai contoh, al-Shāfi‘ī mengambil kira *‘urf* dalam mentafsir kalimat-kalimat tertentu nas, mengguna pakai metode *ta’wīl* ketika menilai semula nas, dan menerima hadith yang lebih sahih dari nas yang dahulu. Maka kajian fiqh ini tidak membincangkan secara jelas dari sudut metodologi hukum dan pendekatan yang diambil oleh Imām al-Shāfi‘ī ketika berijtihad. Sebaliknya perbahasan kajian lebih khusus kepada faktor-faktor perubahan ijtihadnya sahaja.

Menurut pemerhatian penulis terhadap hasil kajian-kajian lepas, perbahasan kajian tersebut hanya tertumpu pada aspek-aspek berikut sahaja :

1. Membahaskan masalah-masalah perbezaan pendapat antara *qawl qadīm* dan *jadīd*.
2. Menerangkan faktor-faktor perubahan pendapat *qawl qadīm* kepada *qawl jadīd*.
3. Mendedahkan beberapa metode yang diguna pakai Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl jadīd* dengan secara umum.

4. Menyatakan dalil-dalil dan hujah-hujah yang disandarkan oleh Imām al-Shāfi‘ī dalam kedua *qawl*nya.

Oleh itu dapatan kajian lepas menunjukkan belum adanya kajian terperinci mengenai metode dan pendekatan hukum Imām al-Shāfi‘ī dalam *qawl qadīm* dan *jadīd*. Kerana itu penulis memilih untuk melakukan kajian ke atas masalah kajian tersebut.